

## Gerakan koperasi catat perolehan keuntungan RM39.6b tahun lalu

**KUCHING 13 Jun** - Gerakan koperasi mencatatkan perolehan keuntungan berjumlah RM39.6 bilion melalui hasil pendapatan yang disumbangkan oleh 13,428 koperasi yang ada di seluruh negara pada tahun lalu.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, jumlah perolehan dicatatkan itu menunjukkan peningkatan RM6.1 bilion berbanding RM33.5 bilion direkodkan pada 2015.

Beliau berkata, sepanjang tahun lalu juga gerakan koperasi berjaya mengumpul saham atau yuran berjumlah RM13.9 bilion daripada ahlinya.

“Daripada RM39.6 bilion perolehan yang dicatatkan itu

sebanyak RM247.1 juta adalah sumbangan 9,078 koperasi di Sarawak, iaitu merangkumi modal saham berjumlah RM171.1 juta dan RM574.5 juta aset.

“Jika dilihat, gerakan koperasi sentiasa mencatatkan peningkatan perolehan setiap tahun disebabkan semakin mendapat perhatian masyarakat di negara ini,” katanya ketika ditemui semasa menghadiri Majlis Berbuka Puasa Angkasa Sarawak di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Sarawak, Usuf Samah.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, bagi tahun ini, pihaknya menyasarkan untuk mencapai keuntungan perolehan sebanyak RM45 bilion.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia